

5. DANA PROGRAM PINJAMAN *AVIATION* DAN PROGRAM PEMBIAYAAN

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia

1. LATAR BELAKANG

1.1. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), beroperasi sepenuhnya mulai 1 Januari 2007 berdasarkan peruntukan kuasa yang diberikan di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640). PTPK bertanggungjawab untuk menguruskan dana pinjaman dan pembiayaan latihan kemahiran yang berterusan kepada pelatih yang mengikuti latihan kemahiran.

1.2. Pada tahun 2019, Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyalurkan sejumlah RM200 juta kepada PTPK untuk memberi kemudahan pinjaman dan pembiayaan dana latihan kemahiran seperti dalam **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
TERIMAAN PERUNTUKAN DANA PINJAMAN DAN
PEMBIAYAAN PROGRAM BAGI TAHUN 2018 DAN 2019

BIL.	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)		BAKI PADA 31.12.2019 (RM Juta)
		2018	2019	
PINJAMAN				
1.	Pinjaman Latihan Kemahiran kepada Lulusan Sekolah	175.00	100.00	243.21
2.	Pinjaman Latihan Kemahiran kepada Pekerja			
JUMLAH PINJAMAN		175.00	100.00	243.21
PEMBIAYAAN				
1.	Program Pembiayaan Golongan Pekerja dan <i>Future Workers</i> Lulusan Sekolah (WTTP); dan Program Pembiayaan Golongan Pekerja dan <i>Future Workers</i> Lulusan Siswazah (INSEP)	31.75	60.00	73.58
2.	Program Pembiayaan Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus (PPKK)	18.64	-	56.18
3.	Program Pembiayaan Kompetitif- <i>Contestable Fund</i> (CF)	10.00	5.00	51.59
4.	Program Pembiayaan <i>Malaysian Meister Programme</i> (MMP)	5.00	12.50	30.17
5.	Program Pembiayaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	22.75	22.50	13.30
6.	Program Geran Latihan TVET bagi Golongan B40	-	-	0.37
JUMLAH PEMBIAYAAN		88.14	100.00	225.19
JUMLAH KESELURUHAN		263.14	200.00	468.40

Sumber: Penyata Kewangan PTPK bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

1.3. Baki pinjaman latihan kemahiran kepada lepasan sekolah dan pekerja berjumlah RM243.21 juta adalah meliputi Pinjaman Program *Aviation* berjumlah RM8.60 juta, iaitu melibatkan 115 pelatih.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan dan penggunaan dana telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat PTPK, Kuala Lumpur. Pemilihan sampel pengauditan adalah bagi tahun 2019. Perincian pemilihan sampel adalah seperti dalam **Jadual 5.2**.

JADUAL 5.2
PERINCIAN PEMILIHAN SAMPEL

BIL.	PROGRAM	BIL. SAMPEL
SAMPEL PINJAMAN		
1.	Program Pinjaman <i>Aviation</i>	30
JUMLAH SAMPEL PINJAMAN		30
SAMPEL PEMBIAYAAN		
1.	Program Pembiayaan Golongan Pekerja dan <i>Future Workers</i> Lulusan Sekolah (WTTP)	40
2.	Program Pembiayaan Golongan Pekerja dan <i>Future Workers</i> Lulusan Siswazah (INSEP)	35
3.	Program Pembiayaan <i>Malaysian Meister Programme</i> (MMP)	19
4.	Program Pembiayaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	-
5.	Program Pembiayaan Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus (PPKK)	20
6.	Program Pembiayaan Kompetitif- <i>Contestable Fund</i> (CF)	15
7.	Program Geran Latihan TVET bagi Golongan B40	-
JUMLAH SAMPEL PEMBIAYAAN		129
JUMLAH KESELURUHAN		159

Sumber: Senarai Pelatih PTPK

3.2. Pengauditan pematuan dijalankan dengan meneliti Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640), Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652), buku panduan dan garis panduan yang diguna pakai, minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan jawatankuasa yang berkaitan dan memeriksa rekod serta dokumen berkaitan di pejabat auditi serta rekod kewangan PTPK. Di samping itu, sesi temu bual dengan pegawai yang terlibat dan pemeriksaan fizikal Audit turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi daripada proses semakan yang telah dijalankan.

3.3. Lawatan fizikal telah diadakan di lokasi seperti dalam **Jadual 5.3**.

JADUAL 5.3
LOKASI LAWATAN FIZIKAL

BIL.	LOKASI	TARIKH LAWATAN FIZIKAL
1.	Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor 1A, 1 st Floor, Blok 2, Pusat Perniagaan Worldwide Jalan Tinju, 13/50 Seksyen 13 40100 Shah Alam, Selangor.	03.09.2020
2.	Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) No. 1, Jalan Sultan Azlan Shah Bandar Bayan Baru 11909 Pulau Pinang.	09.09.2020
3.	Kedah Industrial Skills & Management Development Centre 126, Jalan PKNK 1/1 Kawasan Perusahaan Sungai Petani 08000 Sungai Petani, Kedah.	10.09.2020
4.	Admal Aviation College 24-34, Jalan 2, Bandar Baru Salak Tinggi 43900 Sepang, Selangor.	07.09.2020

Sumber: Lawatan Fizikal

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 1 hingga 11 September 2020. Maklum balas daripada PTPK telah diterima pada 28 September 2020. Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) diadakan pada 30 September 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 4.1. dan 4.2.

4.1. Penyaluran Peruntukan Berjumlah RM28.45 Juta Telah Dibuat Kepada Penyedia Latihan Untuk Program Latihan Yang Tidak Diluluskan Oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran

4.1.1. Seksyen 33 (2) Bahagian VI Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) menyatakan, "Penyedia latihan kemahiran tidak boleh didaftarkan di bawah Bahagian ini kecuali (a) ia telah ditauliahkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK); dan (b) ia menjalankan program latihan yang diluluskan." MLVK ertinya badan yang ditubuhkan dengan nama sedemikian oleh Kerajaan untuk tujuan menggubal, menggalak dan menyelaraskan strategi dan program latihan vokasional dan perindustrian sejajar dengan keperluan perkembangan teknologi dan pembangunan ekonomi negara. Pada 1 September 2006, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) telah dikuatkuasakan, maka nama MLVK telah bertukar kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

4.1.2. Semakan Audit mendapati PTPK telah **menyalurkan peruntukan kepada Penyedia Latihan berjumlah RM19.85 juta pada tahun 2019 bagi program pembiayaan yang tidak mendapat kelulusan JPK.**

4.1.3. PTPK turut **menyalurkan sejumlah RM8.60 juta kepada Penyedia Latihan untuk membiayai Program Pinjaman *Aviation* yang tidak mendapat kelulusan JPK.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.4.**

JADUAL 5.4
PROGRAM PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN YANG TIDAK DILULUSKAN
OLEH JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN PADA TAHUN 2019

BIL.	PROGRAM	BIL. PROGRAM	BIL. PELATIH	JUMLAH (RM Juta)
1.	Program Pembiayaan Golongan Pekerja dan <i>Future Workers</i> Lepas Sekolah (WTTP)	9	279	2.19
2.	Program Pembiayaan Golongan Pekerja dan <i>Future Workers</i> Lepas Siswazah (INSEP)	27	1,266	17.66
3.	Program Pinjaman <i>Aviation</i>	2	115	8.60
JUMLAH		38	1,660	28.45

Sumber: Maklumat Arah Bayar Kursus *Non-SKM* dan Senarai Pelatih PTPK

4.1.4. PTPK menyalurkan peruntukan kepada Penyedia Latihan tidak seperti ditetapkan Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640). Perkara ini berlaku kerana PTPK ingin mempercepatkan penyaluran serta memenuhi kehendak industri yang lebih mengiktiraf pensijilan lain. Antaranya adalah daripada Badan Bertauliah seperti Suruhanjaya Tenaga (ST), Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).

Maklum balas PTPK yang diterima pada 28 September 2020

PTPK membiayai program ini berdasarkan kepada Seksyen 8(c) Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) yang memperuntukkan bahawa "Fungsi Perbadanan ialah melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada Perbadanan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain".

Pernyataan Audit	Penyaluran peruntukan bagi program yang tidak diluluskan oleh JPK melanggar kehendak Akta 640 dan Akta 652. Program latihan yang tidak diluluskan oleh JPK menyebabkan program tidak memenuhi kehendak Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan seperti ditetapkan Akta 652.
-------------------------	--

4.2. Bayaran Berjumlah RM137,280 Telah Dibuat Kepada Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang Untuk Bayaran Badan Profesional *American Society Of Quality* Yang Belum Layak Dipohon Oleh Pelatih

4.2.1. Program *Manufacturing Process* (Kod Program: MC1217-B) di bawah Program Pembiayaan Golongan Pekerja dan *Future Workers* Lulusan Siswazah (INSEP) ditawarkan di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC). Tempoh kursus ini adalah di antara 90 hingga 91 hari melibatkan yuran kursus berjumlah RM14,300 untuk setiap pelatih dan seramai 96 pelatih menyertai program ini dalam tahun 2019.

4.2.2. Yuran bagi kursus ini adalah termasuk bayaran lesen *Certified Quality Engineer* yang dikenakan oleh *American Society of Quality* berjumlah RM1,430 untuk setiap pelatih. Bayaran lesen tersebut hanya akan diberikan ke atas permohonan pelatih yang memenuhi syarat, iaitu berada di dalam industri selama tiga (3) hingga lapan (8) tahun.

4.2.3. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2019, PTPK telah menyalurkan RM1.37 juta kepada PSDC bagi melaksanakan Program *Manufacturing Process* (Kod Program: MC1217-B). Bayaran ini meliputi **RM137,280 bagi lesen profesional yang belum layak dipohon oleh pelatih.**

4.2.4. PTPK telah terlebih bayar kerana tidak maklum mengenai syarat permohonan lesen profesional dan tiada pemantauan terhadap PSDC.

Maklum balas PTPK yang diterima pada 28 September 2020

PTPK telah mengeluarkan surat kepada pihak PSDC untuk mengemukakan sijil pelesenan profesional bagi pelatih yang terlibat dan maklum balas perlu dikemukakan dalam tempoh 14 hari.

Pernyataan Audit

Bayaran berjumlah RM137,280 kepada PSDC telah dibuat bagi lesen profesional yang belum layak dipohon oleh pelatih merupakan pembayaran tidak wajar.

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

5.1. Memastikan penyaluran peruntukan dibuat kepada program yang berdaftar dan diluluskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran sahaja.

5.2. Memastikan penyaluran peruntukan bagi bayaran badan profesional hanya dibuat apabila syarat untuk menduduki peperiksaan dipenuhi dan dituntut oleh pelatih.